

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/Jld13 (16)

Tarikh: 29 Jun 2015

KENYATAAN AKHBAR

PERANCANGAN PENGANGKUTAN PETALING JAYA KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAH

Pembangunan ekonomi yang pesat telah membawa pelbagai cabaran kepada Majlis. Salah satu isu utama pembangunan adalah kesesakan lalulintas. Sebahagian besar lebuhraya telah mencecah tahap “Level Of Service” F. Perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak menyeluruh, kekerapan yang tidak mencukupi dan tidak menepati masa terutamanya bas henti-henti serta kekurangan infrastruktur sokongan menyebabkan sistem pengangkutan awam tidak diyakini oleh orang awam.

1. PETALING JAYA SUSTAINABLE 2030

Rangka kerja dasar perancangan ‘PJ Sustainable 2030’ menetapkan lima halatuju utama iaitu ‘Alam Sekitar Lestari’, ‘Ekonomi Berdaya Saing’, ‘Budaya Dan Komuniti Harmoni’, ‘Bandaraya Berdaya Huni’ dan ‘Urus Tadbir Baik’. Aspirasi utama penduduk Petaling Jaya semasa Bengkel Liveable Cities Petaling Jaya yang telah diadakan pada 18hb. dan 19hb. Julai 2012 adalah berkenaan penyediaan Sistem Pengangkutan Yang Berintegrasi dan Efisyen. Majlis menubuhkan Bahagian Perancangan Pengangkutan di Jabatan Perancangan Pembangunan. Bahagian ini akan melaksanakan tugas meliputi aspek-aspek berikut:

- i) Perancangan Pengangkutan Awam
- ii) Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan
- iii) Perancangan Gunatanah & Pengangkutan Bersepadu

2. PENUBUHAN JAWATANKUASA INDUK DAN JAWATANKUASA TEKNIKAL

Bagi memantau perlaksanaan tugas bahagian ini, Jawatankuasa Induk bagi Perancangan Pengangkutan ditubuhkan dengan dipengerusikan Datuk Bandar / Timbalan Datuk Bandar di samping Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal bagi Perancangan Pengangkutan Awam, Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan; Perancangan Gunatanah dan Pengangkutan Bersepadu; serta Perancangan Lalulintas “Non-Vehicular” yang akan dipengerusikan oleh Ahli-Ahli Majlis Tuan Ir. Lee Suet Sen, Tuan Haji Ghazali Bin Daud dan En. Tang Fuei Koh.

3. PROGRAM – PROGRAM YANG AKAN DILAKSANAKAN

Bagi merealisasikan penyediaan pengangkutan yang berintegrasi di Petaling Jaya, Majlis telah dan akan melaksanakan program – program seperti berikut:-

i) Perancangan Pengangkutan Awam

- a) Kajian Pelan linduk Pengangkutan(PIP) berdasarkan asas rujukan Jabatan Kejuruteraan 2014
- b) Laluan Terus Bus Rapid Transit (BRT)
- c) Laluan Bus Transit (BT)
- d) Laluan Bas Percuma “PJ City Bus” (Laluan tambahan ke sekolah)
- e) Feeder Bus
 - Hospital
 - Perpustakaan
 - Pasar
 - Stesen transit
- f) Sistem Pejalan Kaki
- g) Laluan Basikal Ke Stesen Transit
- h) Penyediaan “Park N Ride”
- i) Laluan Rel (MRT/ LRT/ Komuter)
- j) Tram
- k) “Bike Share Rental” (Sewaan Basikal)
- l) Tabung Amanah Pengangkutan Awam
- m) Teksi
- n) Aplikasi Pemakaian “Universal Design Guidelines” (UDG)
- o) Perhentian Bas
- p) Tempat Letak Kereta

ii) Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan

- a) Sistem Perisian Visum dan Vissim
 - Simulasi Pengangkutan dan lalulintas
 - Model Pengangkutan dan Lalulintas
 - Analisa Kajian Impak Lalulintas
 - “Traffic Signs & Public Transport Data”
 - “Traffic & Incident Management System”
- b) Penyediaan “Integrated Transport Information System” (ITIS)
- c) GIS
- d) Kawalan Lampu Isyarat
- e) CCTV
- f) “Intelligent Road Network”
- g) E-Transport
- h) E-Routing

iii) Perancangan Gunatanah & Pengangkutan Bersepadu

- a) “Walkable city”
- b) “Transit Oriented Development” (TOD)
- c) “Smart City”
- d) “Compact City”
- e) “Green City”
- f) “Safe City”
- g) Laluan Basikal
- h) Laluan Pejalan Kaki
- i) Aplikasi Pemakaian “Universal Design Guidelines” (UDG)
- j) Intensiti Pembangunan
- k) Nisbah Plot
- l) Kawalan Kepadatan
- m) Kawalan Ketinggian
- n) GBI
- o) Urban Design
- p) “Mixed Development”
- q) Urban Renewal

4. KESIMPULAN

Sistem perancangan pengangkutan Petaling Jaya menjelang 2030 akan dilaksanakan secara bersepadu dengan perancangan gunatanah bagi mencapai kemudahsampaian dan keselesaan kepada penduduk dengan kos yang minimum. Rangkaian pengangkutan akan menyokong pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan populasi dan kepelbagaian aktiviti di Bandaraya Petaling Jaya.

Sekian terima kasih

DATUK BANDAR PETALING JAYA